

# Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

## Membentuk Pasaran yang Lebih Dinamik



“

Dengan hala tuju kami yang telah jelas ditetapkan untuk memperkukuh pemacu yang merangsang kerancangan pasaran, kepelbagaian, pendigitalan, kebolehcapaian produk dan jangkauan pelabur, kami sedang membentuk masa depan di mana Bursa Malaysia berdiri sebagai sebuah platform untuk kemakmuran dan kemajuan. ”

Dato' Fad'l Mohamed  
Ketua Pegawai Eksekutif

### Para Pemegang Saham yang dihormati,

Pada tahun 2025, Bursa Malaysia terus memacu trajektori pertumbuhan kami melalui pelaksanaan berdisiplin Pelan Hala Tuju Strategik 2024-2026 kami. Tumpuan kami telah membolehkan kami menyampaikan prestasi dalam perniagaan teras dan kekal komited dalam peralihan kami ke sebuah pasaran yang dinamik dan pelbagai, meskipun berdepan persekitaran global yang mencabar.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, Bursa Malaysia mencatat Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat sebanyak RM337.1 juta, menurun sebanyak 17.9% berbanding tahun 2024 berikutan aktiviti dagangan yang sederhana disebabkan peningkatan volatiliti merentasi pasaran global. Sejajar dengan ekosistem pasaran sekuriti yang lebih perlahan, hasil operasi mencatatkan sejumlah RM701.8 juta berbanding RM757.7 juta pada tahun 2024. Sementara itu, perbelanjaan operasi menunjukkan peningkatan pada kadar yang munasabah sebanyak 4.5% kepada RM390.1 juta pada tahun 2025, berbanding RM373.4 juta pada tahun 2024, didorong terutamanya oleh perbelanjaan pentadbiran yang lebih tinggi dan pelaburan dalam penyelesaian digital. Perbelanjaan ini adalah selaras dengan disiplin kos yang diamalkan oleh Bursa Malaysia.

Walaupun kami berdepan dengan cabaran, namun, adalah menggalakkan untuk melihat usaha kepelbagaian kami terus memperoleh momentum, dengan hasil bukan dagangan meningkat 5.0% tahun ke tahun (YoY), menyumbang 36.6% daripada jumlah hasil operasi.

Asas perniagaan kami kekal kukuh, membolehkan Lembaga Pengarah mengisytiharkan jumlah dividen sebanyak RM226.6 juta, mewakili nisbah pembayaran dengan anggaran 91% konsisten dengan komitmen jangka panjang kami terhadap nilai pemegang saham kami.

## MEMPERKUKUH PEMBENTUKAN MODAL DAN PEMBANGUNAN PASARAN

Pasaran utama kami kekal kukuh, sekali gus mengekalkan kedudukan Bursa Malaysia sebagai platform pengumpulan dana yang dipercayai dan cekap untuk syarikat pelbagai saiz, daripada perusahaan kecil dan sederhana sehingga syarikat korporat besar. Bilangan IPO kekal antara yang tertinggi dalam kalangan bursa ASEAN, dengan sejumlah 60 penyenaian (2024: 55 syarikat), mengumpul dana sebanyak RM6.0 bilion (2024: RM7.4 bilion) dan menambah RM27.4 bilion kepada jumlah permodalan pasaran (2024: RM31.4 bilion).

Sepanjang tahun 2025, kami menyaksikan isyarat yang menggalakkan dalam kemajuan syarikat tersenarai di mana tujuh syarikat yang beralih daripada pasaran LEAP dan ACE ke segmen pasaran yang lebih besar. Pada bulan Ogos 2025, kami menyaksikan penyenaian sekunder yang pertama di Pasaran UTAMA oleh UMS Integration Limited yang tersenarai di SGX (Bursa Singapura), menandakan satu pencapaian penting dalam daya tarikan Bursa Malaysia sebagai pintu masuk pengumpulan dana serantau dan memperluas akses kepada kumpulan modal yang lebih pelbagai di seluruh ASEAN.

Usaha kepelbagaian terus mengekalkan momentum dalam pasaran sekuriti kami, dengan dana dagangan bursa (ETF) dan waran berstruktur – kedua-duanya merupakan komponen penting dalam strategi produk kami – mencatatkan aktiviti yang lebih kukuh. Jumlah aset ETF di bawah pengurusan meningkat kepada RM2.8 bilion, melonjak 19.8% YoY.

Sebanyak 2,190 waran berstruktur diterbitkan pada tahun 2025, yang merupakan rekod tertinggi, mengatasi rekod sebelumnya sebanyak 1,804 terbitan pada tahun 2024. Waran berstruktur terus mengekalkan momentum dengan purata nilai harian melonjak 25.3% YoY kepada RM153.7 juta (2024: RM122.7 juta), mencerminkan minat pelabur yang berterusan terhadap instrumen dagangan bursa yang dapat diakses dengan mudah.

Penyertaan dalam pasaran derivatif kekal kukuh, didorong oleh ketidaktentuan dalam pasaran komoditi. Bursa Malaysia mencatatkan rekod tertinggi volum kontrak harian purata sebanyak 197,458 kontrak merentasi semua produk pada 29 Oktober 2025, mengatasi rekod terdahulu yang dicapai pada tahun 2024. Purata volum kontrak harian meningkat kepada 95,472 (2024: 92,106), iaitu peningkatan 3.7% YoY dan melebihi 90,000 kontrak untuk tahun kedua berturut-turut. Aktiviti ini sebahagian besarnya disokong oleh penyertaan kukuh dalam niaga hadapan Minyak Sawit Mentah, di samping perubahan dalam dasar biodiesel serantau dan peralihan aliran minyak sayuran global, manakala dagangan Niaga Hadapan KLCI FTSE Bursa Malaysia kekal berdaya tahan dengan 14,101 kontrak pada tahun 2025 (2024: 14,780 kontrak).

Pasaran Islam kami merekodkan satu lagi tahun pertumbuhan yang kukuh. Bursa Suq Al-Sila' merekodkan purata nilai harian RM48.8 bilion (2024: RM41.3 bilion), meningkat 18.0% YoY, disokong oleh keadaan kecairan dalam pasaran wang antara bank Islam. Penyertaan meningkat kepada 401 peserta (2024: 373). Sementara itu, platform Bursa Gold Dinar muncul sebagai platform yang dipercayai untuk rakyat Malaysia mengakses pilihan pelaburan alternatif yang patuh Syariah. Pada tahun 2025, jumlah dagangan emas meningkat lebih tiga kali ganda kepada RM169.4 juta. Bilangan akaun berdaftar pula meningkat lebih dua kali ganda kepada 72,574, manakala hasil dagangan bertambah kukuh kepada RM3.3 juta daripada RM1.0 juta pada tahun sebelumnya. Dengan purata nilai dagangan bulanan meningkat kepada RM14.1 juta pada tahun 2025 (2024: RM3.4 juta), kami mula menyaksikan tanda-tanda awal pembentukan sebuah pasaran yang lebih inklusif dan pelbagai.

Selain pasaran teras, tawaran baharu terus mendapat sambutan. BCX memperluaskan keupayaannya dengan memperkenalkan Auction-as-a-Service (AaaS), yang membolehkan pemaju projek berhubung dengan pengambil akhir (off-takers) dan memeterai perjanjian jangka sederhana hingga jangka panjang untuk produk alam sekitar. Walaupun dagangan kontrak Sijil Tenaga Boleh Diperbaharui adalah sederhana berbanding tahun 2024, jumlah dagangan kredit karbon meningkat kepada 50,486 tCO<sub>2</sub>e (2024: 31,381), mewakili 60.9% pertumbuhan YoY.

BR Capital juga terus meningkatkan peranannya dalam memperluas akses kepada pengumpulan dana, dengan menyenaraikan 12 nota pelaburan sejak ia dilancarkan dan berjaya mengumpul kira-kira RM70 juta, dengan bilangan pelabur berdaftar meningkat kepada 3,381 (2024: 1,379).

## MEMPERKASA STRATEGI PELBAGAI-ASET KAMI

Tahun 2025 menandakan tahun kedua pelaksanaan Pelan Hala Tuju Strategik 2024-2026 kami, yang bertujuan untuk mentransformasikan Bursa Malaysia sebagai sebuah bursa yang lebih pelbagai dan berupaya untuk memenuhi keperluan pihak berkepentingan kami yang semakin berkembang dan sofistikated. Pelan Hala Tuju Strategik ini berpaksi kepada tiga teras utama: Pengembangan Produk dan Perkhidmatan, Pembangunan Ekosistem dan Pengalaman Pelanggan (CX) Berpusat. Kelima-lima teras ini secara kolektif mencerminkan komitmen kami untuk membina sebuah pasaran yang lebih dinamik, inklusif dan berdaya tahan yang mampu menyokong aspirasi penerbit, memperkasa pelabur dengan pilihan yang lebih luas dan memupuk kemampunan pasaran jangka panjang.

## Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Pada terasnya, Pelan Hala Tuju Strategik 2024-2026 mengiktiraf bahawa pasaran modal masa kini dibentuk oleh kitaran inovasi yang lebih pantas, peningkatan permintaan terhadap alat pengurusan risiko serta keperluan yang semakin meningkat terhadap peluang pelaburan yang mampan dan pelbagai. Pengembangan penawaran produk dan perkhidmatan kami membolehkan kami bertindak balas terhadap perubahan ini dengan memperkenalkan kelas aset baharu dan penyelesaian pasaran yang memperluas pilihan pelabur serta memperkukuh daya tahan pasaran. Ini termasuk mempertingkatkan keupayaan pelbagai aset kami, menambah baik penawaran berkaitan kemampanan dan membangunkan perkhidmatan baharu yang menyokong penyertaan yang lebih meluas merentasi segmen pasaran.

Memperkukuh ekosistem sokongan adalah sama pentingnya. Dengan mempertingkatkan liputan penyelidikan, memperdalam penglibatan pelabur dan menyokong pembangunan syarikat pra-IPO, kami telah meletakkan asas bagi saluran penyenaiaan yang lebih kukuh dan asas penyertaan yang lebih dinamik.

Seiring dengan itu, kami memberi tumpuan kepada meningkatkan pengalaman pelanggan. Ini termasuk memodenkan infrastruktur pasaran, mendigitalkan titik sentuh pelabur dan memperluas saluran penglibatan bagi memastikan rakyat Malaysia daripada pelbagai peringkat umur, latar belakang dan tahap pengalaman kewangan dapat menyertai pasaran dengan penuh keyakinan. Strategi penglibatan kami dirangka secara menyeluruh dan inklusif, bertujuan memupuk minat awal dalam kalangan pelabur muda dan bakal pelabur, sambil terus memenuhi keperluan peserta pasaran yang berpengalaman.

Secara keseluruhannya, strategi-strategi ini dirangka untuk memastikan bahawa Bursa Malaysia kekal berdaya saing, bersedia menghadapi masa hadapan dan sejajar dengan keperluan pasaran yang berkembang pesat. Saya berbesar hati untuk menyatakan bahawa kami telah mencapai kemajuan yang ketara dalam merealisasikan matlamat strategi-strategi ini pada tahun 2025, ketika kami melangkah ke tahun akhir pelaksanaannya.

01



### PENGEMBANGAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN

- Melancarkan ETF FTSE4Good Bursa Malaysia, iaitu ETF pertama di Malaysia yang layak SRI, yang memberi pelabur akses kepada ekuiti yang ditapis berdasarkan kemampanan melalui instrumen dagangan bursa.
- Memperkenalkan waran berstruktur niaga hadapan komoditi pertama di Malaysia, yang membolehkan akses runcit dengan kos efektif kepada komoditi seperti FCPO serta menyokong lindung nilai portfolio dalam tempoh ketidaktentuan pasaran.
- Bekerjasama dengan Fullgoal Asset Management (HK) Limited dan CGS International Securities Malaysia Sdn Bhd untuk memudahcara penyenaiaan ETF dengan aset pendasar asing, sekali gus membolehkan pelabur tempatan mengakses pasaran global secara langsung melalui Bursa Malaysia.
- Memeterai perkongsian strategik dengan UEM Lestra Bhd untuk memperkenalkan AaaS di BCX, bagi menyokong proses bidaan yang telus dan kompetitif untuk bekalan tenaga boleh diperbaharui di bawah rangka kerja Skim Bekalan Tenaga Boleh Diperbaharui Korporat (CRESS).

## 02



## PEMBANGUNAN EKOSISTEM

- Memperkenalkan Skim Insentif Penyelidikan Bursa Plus (Bursa RISE+), yang memperluas liputan penyelidikan untuk merangkumi PLC terpilih serta syarikat swasta dan pra-IPO yang berpotensi tinggi, bagi memperkukuh pemprofilan korporat dan membina saluran penyenaian masa hadapan.
- Melancarkan Shares2U, satu skim pemindahan sekuriti yang membolehkan organisasi peserta (PO) menggunakan saham tersenarai sebagai insentif dalam kempen berstruktur, sekali gus menggalakkan penyertaan runcit, pembukaan akaun dan penglibatan pasaran.
- Memperkukuh kebolehcapaian Pasaran Islam dengan penyertaan NewParadigm Securities, UBS Securities dan Nomura Securities untuk menawarkan perkhidmatan pembrokeran saham Islam di Bursa Malaysia-i, seterusnya memperluas penyertaan tempatan dan antarabangsa dalam pelaburan patuh Syariah.
- Memajukan inisiatif BTS3, sebuah enjin dagangan berlatensi rendah yang direka untuk meningkatkan pengalaman peserta pasaran, susulan penglibatan industri yang meluas termasuk bengkel kerja berstruktur, kaji selidik dan proses Permintaan untuk Maklumat (FRI) bagi mengesahkan keperluan pasaran.
- Di peringkat runcit, kami memperluas penyertaan golongan belia melalui Bursa Inter-Varsity Stock Challenge, yang dapat menarik minat hampir 1,300 pelajar daripada 10 universiti, serta meneruskan pembinaan rangkaian bakat jangka panjang melalui "Futures Trading Apprenticeship Programme", yang telah melahirkan lebih 170 individu, dengan lebih 40 orang melangkah ke peranan profesional dalam perdagangan derivatif sejak tahun 2023.
- Menerajui usaha meningkatkan dinamisme dan kecairan pasaran dengan penglibatan secara aktif bersama penggerak pasaran dan pihak berkepentingan utama merentasi ekosistem industri. Penglibatan ini merangkumi aktiviti jangkauan bersasar serta siri Invest Malaysia 2025 di Kuala Lumpur, Singapura dan London, dan secara kolektif telah menarik lebih daripada 1,900 peserta tempatan dan antarabangsa.

## 03



## KEUTAMAAN PENGALAMAN PELANGGAN (CX)

- Melancarkan Bursa Assist, yang sebelum ini dikenali sebagai Bursa2U, sebagai jenama pusat bantuan yang diperbaharui. Platform baharu ini merangkumi identiti yang dimodenkan, pusat sumber dan chatbot bagi membantu menjawab soalan lazim dari pelanggan.
- Menambah baik MyBURSA sebagai platform penglibatan pusat untuk pelabur dengan mengintegrasikan perkhidmatan utama dan maklumat pasaran ke dalam ekosistem digital tunggal.
- Menggabungkan data pasaran, sumber pendidikan, pandangan penyelidikan dan maklumat IPO ke dalam MyBURSA bagi menyediakan penyertaan pasaran yang lebih lancar dan bermaklumat.
- Memperkenalkan InvestLAB, sebuah simulator dagangan maya bagi menyokong pendidikan pelabur dan penyertaan yang bertanggungjawab tanpa risiko kewangan.
- Melancarkan ThoughtStream, sebuah platform berasaskan komuniti yang membolehkan pelabur, penyelidik dan pelajar berkongsi perspektif bebas dan pandangan pasaran.
- Menggunakan teknologi pemasaran termaju bagi meningkatkan penglibatan berasaskan data, sekali gus membolehkan komunikasi yang lebih diperibadikan serta usaha jangkauan yang lebih berkesan kepada segmen pelabur yang berbeza.

# Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

## MEMPERKUKUH DAYA TAHAN UNTUK PERTUMBUHAN MAMPAN

Dalam usaha memperluas peranan Bursa Malaysia sebagai sebuah Bursa Pelbagai Aset, pengukuhan asas institusi adalah penting bagi memastikan pertumbuhan yang berskala, selamat dan mampan. Pada tahun 2025, kami telah memperkukuh rangka kerja kawal selia, daya tahan operasi dan keupayaan organisasi untuk menyokong keyakinan pasaran dan daya saing jangka panjang.

### Memperkukuh Integriti Pasaran dan Kesediaan Kawal Selia

- Memodenkan rangka kerja kawal selia bagi memastikan keteguhan dan perkaitan yang berterusan dalam menghadapi persekitaran ekonomi dan teknologi yang semakin berkembang.
- Memperkenalkan pindaan kepada Mekanisme Penyelamatan Korporat di bawah Keperluan Penyenaian Pasaran UTAMA dan Pasaran ACE bagi membolehkan pemulihan syarikat tersenarai yang mengalami tekanan kewangan dilaksanakan dengan lebih tepat pada masanya dan berkesan, sambil mengekalkan perlindungan kepada pelabur.
- Menyelaraskan keperluan pendedahan berkaitan kemampunan dengan Rangka Kerja Pelaporan Kelestarian Nasional (NSRF) dan piawaian antarabangsa bagi meningkatkan konsistensi, kebolehbandingan serta kebolehpelaburan ekuiti Malaysia untuk modal global.
- Menyediakan Penyata Kemampunan ISSB Bursa Malaysia selaras dengan Piawaian Pendedahan Kemampunan IFRS, sekali gus mempamerkan kepimpinan melalui teladan sebagai sebuah syarikat tersenarai awam.

### Memperkukuh Daya Tahan Operasi dan Keselamatan Siber

- Menubuhkan Kumpulan Kerja Industri T+1 bagi menyelaraskan penilaian merentasi industri mengenai potensi peralihan kepada kitaran penyelesaian T+1, dengan penyertaan daripada pihak broker, bank kustodian, pendaftar dan pakar pasaran.
- Melaksanakan penambahbaikan serta-merta dan jangka masa panjang bersama industri pembrokeran saham bagi memperkukuh daya tahan siber dan melindungi integriti ekosistem pasaran:
  - Menerajui pembangunan dan penerbitan Kertas Cadangan di peringkat industri, yang disediakan oleh kumpulan kerja terdiri daripada Bursa Malaysia dan peserta industri, bagi menetapkan hala tuju yang jelas kepada PO dengan menggariskan kawalan keselamatan siber dan teknologi yang diperlukan.
  - Mewajibkan PO melaksanakan penilaian sendiri berstruktur, yang menghasilkan penemuan bagi mengenal pasti jurang dalam urus tadbir, keselamatan sistem dan pemantauan vendor yang memerlukan tindakan pembedahan.
  - Mengambil langkah untuk memperkukuh Piawaian Keselamatan Teknologi Maklumat (ITSS) dengan memformalkan keperluan kawal selia yang lebih jelas dan preskriptif berkaitan akses sistem, pengesanan ancaman, pengurusan tampalan (patch management), pengendalian insiden, daya tahan serta pemantauan pihak ketiga yang perlu dipatuhi oleh PO.
  - Bagi memastikan pematuhan pihak ketiga terhadap ITSS, pengaturan kontrak yang mengikat sedang dilaksanakan untuk memastikan kebertanggungjawaban penyedia teknologi luaran yang berhubung kepada Bursa Malaysia, khususnya "Independent Software Vendors (ISVs)", melalui perjanjian yang mengikat secara undang-undang.

### Membangunkan Keupayaan Organisasi dan Digital

- Melaksanakan struktur organisasi baharu bagi meningkatkan penyelarasan rentas-fungsi, membuka sinergi dan mempercepatkan proses membuat keputusan.
- Menubuhkan Kumpulan Komersial dan Liputan Pasaran untuk memusatkan aktiviti pemasaran merentasi kelas aset dan memperkukuh penglibatan menyeluruh dengan penerbit, pelabur dan pengantara.
- Menubuhkan Impak Sosial dan Pemerksaan Pelabur bagi memperkukuh pendidikan pelabur, inisiatif celik kewangan dan penyertaan pasaran yang inklusif.
- Memajukan inisiatif pendigitalan untuk mempertingkatkan kecekapan dan penyampaian perkhidmatan, termasuk peralihan kepada penyata dan notis depositori pusat elektronik sepenuhnya untuk pelabur individu.
- Memulakan penggunaan alat berasaskan AI yang disasarkan bagi menyokong pelaporan kemampunan dan kesediaan pendedahan, dipandu oleh rangka kerja tadbir urus untuk memastikan penerapan yang selamat dan bertanggungjawab.

### Memperkukuh Modal Insan dan Bakat Masa Hadapan

- Meneruskan pelaburan dalam program pembangunan keupayaan berstruktur bagi menyokong kedua-dua pengambilan pekerja baharu dan kakitangan sedia ada.
- Melancarkan Program Kumpulan Bakat Dalaman, yang menggabungkan latihan teknikal, pembangunan kepimpinan dan bimbingan bagi memperkukuh saluran penggantian.
- Memperkukuh penglibatan, kesejahteraan dan keselarasan pekerja dengan matlamat organisasi melalui sesi dialog terbuka, program kesejahteraan dan inisiatif pengiktirafan.
- Memperkasa budaya berteraskan prestasi dan tujuan bagi menyokong transformasi jangka panjang Bursa Malaysia.

## MELANGKAH KE TAHUN 2026

Walaupun ketidakpastian global yang berpunca daripada perkembangan geopolitik dan perdagangan dijangka memberi kesan kepada landskap operasi, prospek ekonomi domestik Malaysia kekal memberangsangkan. Permintaan domestik yang kukuh telah mendorong pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun 2025 kepada 5.2%, mengatasi julat ramalan Kerajaan dan mengatasi kadar 5.1% yang direkodkan pada tahun 2024. Dengan perbelanjaan isi rumah yang berdaya tahan, pasaran buruh yang kukuh dan dasar yang jelas, persekitaran operasi domestik pada tahun 2026 dijangka kekal kondusif untuk aktiviti pengumpulan modal dan pelaburan.

Kami menantikan tahun 2026, yang merupakan titik bersejarah bagi Bursa Malaysia. Sempena memperingati 50 tahun sejak penubuhan rasmi "The Kuala Lumpur Stock Exchange" pada 14 Disember 1976, kami bukan sekadar mengenang legasi yang telah dibina, malah melangkah ke hadapan dengan tujuan dan keyakinan. Pada tahun 2026, kami akan melengkapkan fasa akhir Pelan Hala Tuju Strategik 2024-2026, sambil meletakkan asas yang kukuh untuk dekad pertumbuhan seterusnya.

Visi kami selepas tahun 2026 tertumpu kepada memperkukuh kedudukan Bursa Malaysia sebagai bursa pelbagai aset yang dipercayai untuk pengumpulan dana, pelaburan dan pengurusan risiko, sambil meneruskan pengembangan keluasan dan dimensi peluang yang tersedia kepada semua peserta pasaran. Dengan hala tuju kami yang telah jelas ditetapkan untuk memperkukuh strategi yang memacu kerancangan pasaran, kepelbagaian, pendigitalan, kebolehcapaian produk dan jangkauan pelabur, kami sedang membentuk masa depan di mana Bursa Malaysia berdiri sebagai sebuah platform untuk kemakmuran dan kemajuan.

## PENGHARGAAN

Saya berasa amat berbesar hati untuk menulis mesej pertama saya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia. Walaupun masih di peringkat awal tempoh perkhidmatan saya bersama Bursa Malaysia, saya diingatkan bahawa daya tahan dan kecemerlangan organisasi ini bukanlah hasil usaha mana-mana individu semata-mata, sebaliknya merupakan hasil daripada ekosistem kolektif yang bekerjasama secara seiring dan bersepadu.

Bagi pihak Pasukan Pengurusan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para pemegang kepentingan kami yang amat dihargai merentasi Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bank Negara Malaysia dan pelbagai kementerian dan agensi kerajaan lain terima kasih atas bimbingan berterusan anda dalam memupuk persekitaran dasar yang menyokong pertumbuhan mampan. Penghargaan saya juga ditujukan kepada rakan ekosistem dan industri serta peserta pasaran kami, yang melalui kerjasama erat, menyumbang kepada kerancangan pasaran kami.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada mantan Pengerusi, Tan Sri Abdul Wahid Omar dan pendahulu saya, Datuk Muhamad Umar Swift, untuk kepimpinan dan khidmat bakti mereka yang konsisten dalam membentuk Bursa Malaysia sejak beberapa tahun yang lalu. Kedua-duanya telah memainkan peranan penting dalam memacu pembangunan dan pelaksanaan Pelan Hala Tuju Strategik 2024-2026, yang telah meletakkan Bursa Malaysia pada kedudukan yang kukuh untuk meneruskan pertumbuhan fasa seterusnya. Saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka atas sumbangan dan dedikasi mereka kepada Bursa Malaysia.

Kepada Lembaga Pengarah, saya mengucapkan terima kasih di atas amanah dan kepercayaan yang diberikan. Dan akhirnya, kepada rakan-rakan sekerja saya, Warga Bursa - terima kasih atas kerja keras, dedikasi dan peranan anda sebagai penggerak utama di sebalik setiap pencapaian yang telah kita capai pada tahun ini. Komitmen kolektif anda telah membolehkan Bursa Malaysia kekal pada misinya untuk Mewujudkan Peluang, Meningkatkan Nilai.

Melangkah ke hadapan, kita akan terus bekerjasama untuk mengangkat Bursa Malaysia ke tahap yang lebih tinggi dan merealisasikan visi kita untuk menjadi pasaran utama ASEAN yang mampan, dan saling berkait di peringkat global.



**Dato' Fad'l Mohamed**  
Ketua Pegawai Eksekutif